

Travelog Ilmu anjuran Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) merupakan kesinambungan kepada program Bicara Intelpek yang dijenamakan semula agar lebih berkonsepkan santai. Travelog Ilmu merupakan konsep *transfer of knowledge* di antara ilmunan dan pakar dalam sesuatu bidang merentasi isu semasa dengan pihak pengurusan dan pentadbir terutama yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan.

## TRAVELOG ILMU

Oleh : Muhammad Azamuddin Hashim



Untuk tahun 2019, IYRES telah melaksanakan sebanyak dua siri Program Travelog Ilmu. Travelog Ilmu Siri I/2019 yang bertajuk Jom Raya telah dilaksanakan pada 31 Mei 2019 bertempat di Galeri Menara KBS. Pada sesi tersebut penceramah jemputan khas telah dijemput iaitu YBrs. Prof. Madya Dr. Mohamad Fazli Sabri, Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia UPM. Sesi Travelog Ilmu tersebut telah memberi pendedahan kepada peserta mengenai etika dan adab ketika berbelanja dalam menyambut perayaan. Seramai 111 peserta telah menghadiri sesi perkongsian ilmu tersebut.

Travelog Ilmu Siri II/2019, IYRES telah membawa tajuk Rasuah, Jangan Sampai Terjerat. Program tersebut telah dilaksanakan pada 26 Julai 2019 bertempat di Galeri Menara KBS. Penceramah jemputan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) PKPs Muhammad Zamani Othman (Bahagian Pendidikan Masyarakat) telah hadir pada sesi tersebut. Sesi Travelog Ilmu telah memberi pengetahuan dan kesedaran kepada peserta berkenaan kesalahan memberi dan menerima rasuah dalam kalangan masyarakat khususnya penjawat awam dalam kalangan belia yang boleh mengambil iktibar dari peringkat awal lagi. Seramai 118 peserta telah menghadiri sesi perkongsian ilmu tersebut.



**BULETIN**

# FAKTA Vol 2

ISSN 2180 4044

Julai - Disember 2019

[www.iyres.gov.my](http://www.iyres.gov.my)



## TECHNICAL WORKING GROUP (TWG) #MYINDEXBELIA 4.0

Oleh : Shariffah Mamat

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah menubuhkan Jawatankuasa *Technical Working Group* (TWG) #MYIndexbelia bermula pada tahun 2016. Pada tahun 2019, TWG telah dihadiri oleh 94 orang *focal point* dalam kalangan pemegang taruh merentas kementerian, agensi, ahli akademik dan NGO yang telah dilantik. Tujuan penubuhan TWG adalah untuk memantau pencapaian domain dan indikator Indeks Belia Malaysia (IBM) dengan menjadikan dapatan skor dan tahap IBM pada tahun 2015 sebagai tahun asas.

TWG #MYIndexbelia 4.0 yang diadakan pada 4 hingga 5 April 2019 bertempat di Everly Hotel, Putrajaya telah dirasmikan oleh YBhg. Dr. Waitchalla R.R.V. Suppiah, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Pada majlis perasmian tersebut, turut dilaksanakan Majlis Pelancaran Sistem e-MYInd iaitu Sistem Elektronik *Malaysian Youth Index* melalui capaian [www.emyind.iyres.gov.my](http://www.emyind.iyres.gov.my). Sistem ini berfungsi merekodkan semua maklumat berkaitan program pembangunan belia yang dilaksanakan oleh pelbagai pemegang taruh. Selain itu, ia juga merupakan satu platform untuk memantau dan mengenal pasti *focus area* program serta aktiviti pembangunan belia di Malaysia.

Pada tahun 2019, sejumlah 800 aktiviti/program yang dikategorikan kepada 12 domain dalam IBM telah direkodkan menerusi sistem ini. Aktiviti/program yang direkodkan dalam sistem ini perlu dikemaskini dan ditambah maklumat baru dalam tempoh kekerapan dua kali setahun oleh semua *focal point* yang dilantik.

Platform ini akan terus dilaksanakan pada tahun 2020 bagi melaporkan dapatan Indeks Belia Malaysia 2019. Melalui dapatan tahun semasa dan perbandingan dengan tahun asas (IBM 2015) dijangka menjadi platform untuk merancang inisiatif dan program pembangunan belia yang lebih strategik. Nantikan TWG #MYIndexbelia 5.0!!!





## PERSIDANGAN MEJA BULAT BELIA IYRES ROUNDTABLE DISCUSSION (RTD)

Oleh : Muhammad Azamuddin Hashim

Dalam usaha menyokong hasil dapat kajian yang dilaksanakan, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) turut melaksanakan program yang bersifat ilmiah. Antara program yang dilaksanakan ialah Persidangan Meja Bulat atau lebih dikenali sebagai *Roundtable Discussion* (RTD). Perancangan tahun 2019, IYRES menasarakan untuk melaksanakan sebanyak tiga kali Persidangan Meja Bulat.

Persidangan Meja Bulat Siri I/2019 dengan membawa tajuk Penglibatan Belia dalam Sektor Korporat telah dilaksanakan pada 14 Mac 2019 bertempat di Dewan Kampo, Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Cheras Kuala Lumpur. Seramai 121 peserta telah menghadiri persidangan tersebut. Persidangan tersebut menyediakan platform kepada golongan belia Malaysia bagi menyuarakan pandangan dan pendirian tentang isu penglibatan belia dalam sektor korporat di Malaysia. Sebanyak 12 resolusi terhasil daripada persidangan tersebut dan resolusi tersebut telah diangkat sebagai Nota Jemaah Menteri. Persidangan tersebut telah disempurnakan oleh YB Syed Saddiq Syed Abd Rahman, Menteri Belia dan Sukan.

Seterusnya Persidangan Meja Bulat Siri II/2019 diteruskan lagi dengan membawa tajuk Had Umur Belia: Transisi dan Pelaksanaan. RTD tersebut telah dilaksanakan pada 26 September 2019 bertempat Dewan Kampo, Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Cheras Kuala Lumpur. Seramai 125 peserta yang menghadiri persidangan tersebut. Hasil daripada persidangan itu, sebanyak 11 resolusi telah dicadangkan untuk diangkat sebagai memorendum Nota Jemaah Menteri. Sesi penyerahan resolusi telah disempurnakan oleh wakil Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, KBS.

Untuk Persidangan Meja Bulat Siri III/2019, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) akan membawa tajuk Pemerkasaan Wanita dalam Sukan di Malaysia. Persidangan ini telah dilaksanakan pada 19 November 2019 bertempat di Dewan Kampo, Pusat Belia Antarabangsa, Kuala Lumpur.

